

NEWS CLIPPING – PRESS

CLIENT:	UBM MALAYSIA		
PUBLICATION:	BERITA HARIAN	SECTION:	BISNES
DATE:	WEDNESDAY, 26 SEPTEMBER 2018	PAGE NO.:	23
CIRCULATION:	69,985	FREQUENCY:	DAILY
HEADLINE:	INDUSTRI MINYAK, GAS NEGARA KIAN PULIH		

PERSIDANGAN DAN PAMERAN PERKHIDMATAN MINYAK DAN GAS MALAYSIA (MOGSEC 2018)

Industri minyak, gas negara kian pulih

➔ Kemajuan sejajar harga tinggi, prospek lebih baik

Oleh Zarina Zakariah dan Mahanum Abdul Aziz
bhbiz@nstp.com.my

Industri minyak dan gas Malaysia kini mencatatkan kemajuan positif dengan jumlah pelaburan meningkat sejajar dengan harga minyak mentah yang tinggi dan prospek yang lebih baik.

Bagi bulan September, sebanyak 20 pelantar minyak beroperasi di perairan negara ini berbanding hanya 15 pelantar

minyak pada akhir tahun lalu, demikian kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PETRONAS, Tan Sri Wan Zulkiflee Wan Ariffin.

Beliau berkata, setakat ini harga minyak Brent berada pada paras AS\$72 satu tong dan mencecah lebih AS\$81 satu tong pagi tadi, peningkatan ketara berbanding purata AS\$54 satu tong pada tahun lalu.

Bagaimanapun, beliau berkata, ketidakpastian dijangka berterusan dengan faktor luaran seperti perang perdagangan dan risiko geopolitik yang lain.

"Sementara ada bukti bahawa peserta industri beralih daripada mod kelangsungan kepada pertumbuhan, saya menggesa semua peserta bertindak secara berhati-hati dalam persekitaran yang tidak boleh dijangka.

"Malah, model perniagaan yang diguna pakai perlu kukuh

untuk berdepan kitaran harga," katanya pada pembukaan Persidangan dan Pameran Perkhidmatan Minyak dan Gas Malaysia (MOGSEC 2018) di Kuala Lumpur, semalam.

Komited Malaysia sebagai hab serantau

Mengenai merangsang pertumbuhan serantau dalam industri minyak dan gas, Wan Zulkiflee berkata, PETRONAS komited untuk mengembangkan Malaysia sebagai hab serantau bagi keupayaan tersendiri dan kepakaran menerusi insentif pembangunan kemampuan, penyelesaian berfokus teknologi dan inisiatif pembiayaan.

Beliau berkata, syarikat minyak dan gas nasional itu percaya kerjasama membolehkan peserta industri menyelesaikan cabaran industri.

Katanya, pihaknya Tinja-

uan Aktiviti PETRONAS Tiga Tahun yang dibangunkan dan disiarkan bagi industri merangka strategi dan menguruskan sumber dan pelaburan.

"Satu lagi inisiatif ialah Innovation Gateway @PETRONAS, platform digital bagi memudahkan kerjasama antara komuniti global dan penyedia teknologi untuk mempercepatkan penggunaan penyelesaian industri.

"Bagi meningkatkan kemampuan, kami menubuhkan Program Pembangunan Vendor (VDP) pada 1993 untuk memupuk vendor tempatan dalam sektor perkhidmatan minyak dan gas.

"Sejak penubuhannya, PETRONAS menganugerahkan hampir RM9 bilion nilai terkumpul kontrak kepada 99 vendor menerusi program ini," katanya.



Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dorell Leiking (dua dari kanan) bersama Wan Zulkiflee (kanan) dan Presiden Majlis Perkhidmatan Minyak & Gas Malaysia, Sharifah Zaida Nurlisha melawat pameran Persidangan dan Pameran Perkhidmatan Minyak dan Gas Malaysia di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, Kuala Lumpur, semalam.